DATE: 27 JULY 2013

PUBLICATION: HARIAN METRO

SECTION: BUSINESS

HEADLINE: SONA PETROLEUM TAK PERLU MORATORIUM

CATEGORY: COMPANY NEWS

MEASUREMENT: 116.16 CM²

Sona Petroleum tak perlu moratorium

Sona Petroleum Berhad (Sona Petroleum) menegas-kan tiada keperluan untuk mengadakan moratorium terhadap enam pelabur asas syarikat yang terbabit.

Pengarah Urusannya Datuk Seri Hadian Hashim berkata, keputusan tidak memerlukan moratorium itu dicapai selepas perbincangan antara pihak pengurusan Sona Petroleum dengan penasihat kewangannya.

"Penasihat tawaran awam permulaan (IPO) iaitu CIMB Investment Bank dan RHB Investment Bank, memutuskan tempoh ikatan tidak diperlukan terhadap pelabur asas, dise-



HADIAN

babkan struktur syarikat khas pengambilalihan (SPAC) dan disampaikan kepada mereka menerusi siri jelajah penerangan. "Keadaan struktur ini juga menjadi faktor menyakinkan para pelabur dalam model perniagaan dan pengurusan Sona Petroleum, yang menjadi kunci kekuatan bagi SPAC," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Menurutnya, harga saham yang dilanggan pelabur asas tidak tergambar pada nilai sepenuhnya Sona Petroleum apabila kelayakan pengambilalihan (QA) disempurnakan dan maka itu, menyakinkan Sona tidak akan ada pelabur berjangka masa pendek kerana mereka mahu meraih manfaat penuh dari QA.